



EDITION 01/2023

bulletin CDeC

BULLETIN CREATIVE DESIGN CENTRE



ISSN 2462-1617




9 772462 161001



Bulletin CDeC Edisi 01/2023

Tema: Doodle @ CDeC



DITERBITKAN OLEH:
CDeC POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN,
KM10, JALAN KONG KONG,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR
Tel : 07 261 2488
Faks : 07 267 2402
www.pis.edu.my

**COPYRIGHT POLITEKNIK IBRAHIM
SULTAN 2023**

ISSN : 2462 - 1617

HAK CIPTA TERPELIHARA MANA-MANA
BAHAGIAN PENERBITAN INI TIDAK
BOLEH DITERBITKAN SEMULA,
DISIMPAN, DALAM SISTEM KEKAL ATAU
DIPINDAHKAN DALAM SEBARANG
BENTUK ATAU SEBARANG CARA
SAMADA SECARA ELEKTRONIK,
FOTOKOPI, RAKAMAN DAN
SEBAGAINYA SEBELUM MENDAPAT IZIN
BERTULIS DARIPADA PENERBIT.

CDeC BULETIN - Diterbitkan setahun dua kali

Sidang Redaksi Bulletin CDeC 01/2023

PENAUNG

Haji Ulaimi bin Yahya

PENASIHAT

Abdul Razak bin Salim

KETUA EDITOR

Ts. Sheril Syazwani binti Salleh

PENYELARAS EDITORIAL

Farhana binti Safar

Mazlisa binti Mohd Isa

PEMBANTU PENYELARAS EDITORIAL

Ts. Dr. Nor Hidayu binti Shahadan

Earni binti Mohamed

EDITOR

Siti Adila binti Mohamad Yazi

Siti Salwa binti Kusairi

Nurrul Asmar binti Azhan

Ts. Dr. Muhammad Helmi bin Abu Bakar

Ts. Nor Rofizah binti Johari

Suhaila binti Basar

Azlina binti Ahmad

Zamila binti Abu Zainal

Ismalyza binti Mt. Arif

PEREKA GRAFIK DAN LAYOUT

Ts. Sheril Syazwani binti Salleh

Ts. Ezlina binti Mohamad Esa

Nur Fatin Athirah binti Mohd Narawai

Halijah binti Abu Aris

PEMBACA PRUF

Siti Adila binti Mohamad Yazi

Rohamiah binti Muda

TUGAS-TUGAS KHAS

Amerul Hakim bin Saadon





Penulis Bulletin CDeC 01/2023

Earni binti Mohamed Azhari
Siti Adila binti Mohamad Yazid
Abdul Kharim bin Abdul Hamid
Harris Iman bin Salim
Ismalyza binti Mt. Arif
Siti Salwa binti Kusairi
Nor Azlinda Gaman
Nur Aliah Maisarah binti Mohd Anizam
Ts. Sheril Syazwani binti Salleh
Normatul Shafinaz binti Omar
Abdul Razak bin Salim
Sherin binti Abdullah
Nor Hidayah binti Halim
Johaini bin Ibrahim
Mohd Izswan bin Mohd Sidik
Nurrul Asmar binti Azhan
Dr. Nurul Aisyah binti Othman
Muhamad Fauzan Raziq bin Muhamad Rohim
Farhana binti Safar
Hanizam bin Hussin
Siti Suhaila binti Samian
Musfirah binti Jamaluddin
Siti Adila binti Mohamad Yazid
Nur Aiman Hafizi bin Hasni
Muneswary A/P Saminathan
Azlina binti Ahmad

Prakata **PENGARAH**

Politeknik Ibrahim Sultan

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, dapat saya menukulkan bicara bagi naskah BULLETIN CDeC Edisi 1/2023.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga CDeC kerana berjaya menerbitkan buletin bagi merakamkan aktiviti-aktiviti yang telah berlangsung seterusnya menjadi wadah penghubung antara unit CDeC dan seluruh warga Politeknik Ibrahim Sultan.

Saya amat berharap kita semua akan senantiasa berganding bahu dalam usaha membentuk anak didik kita sebagai cagaran masa depan bersama.

Akhir kata, saya mengharapkan agar CDeC terus maju dan progresif untuk tahun-tahun yang mendatang dengan pencapaian cemerlang.

Sekian, terima kasih.

Haji Ulaimi bin Yahya



Prakata PENGURUS

Creative Design Centre

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Segala puji ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menukikan kata-kata di dalam Buletin CDeC Edisi 01/2023 ini. Syabas dan tahniah kepada sidang redaksi kerana telah berjaya menerbitkan buletin untuk setiap tahun agar program-program CDeC dapat disebar luas. Komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan sepanjang menyiapkan buletin ini amat saya hargai.

Segala aktiviti dan penglibatan CDeC di sepanjang tahun 2023 didokumentasikan dalam buletin yang diterbitkan dua kali dalam setahun. Buletin ini akan menjadi wahana kepada seluruh warga CDeC, PIS dan juga masyarakat luar sebagai sumber rujukan kepada aktiviti, khidmat kepakaran, pencapaian dan lain-lain.

CDeC terus melakar kecemerlangan melalui pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan sama ada di dalam talian mahupun bersemuka. Kekangan lokasi untuk pelbagai acara adalah tidak menjadi penghalang bagi warga CDeC.

Sekian, terima kasih.

Abdul Razak bin Salim

”
Saya amat berterima kasih kepada seluruh warga CDeC khususnya yang sentiasa memberi komitmen yang terbaik dan sentiasa berusaha untuk memastikan CDeC terus mencapai KPI, Visi dan Misi dengan gemilang pada setiap tahun.



Isi Kandungan

iii	PRAKATA	18	GEMPAK MOST WANTED
v	ISI KANDUNGAN	19	BENGKEL SENI JAHITAN MANIK KREATIF
vi	SEKALUNG TAHNIAH	20	BENGKEL MENCANTING BATIK
1	BENGKEL TIE & DYE SHIBORI	21	PEWARIS SENI PRIHATIN
2	CDeC UNGGULI PEOPLE'S CHOICE AWARD	22	BENGKEL PEMBANGUNAN E-BOOK 2023
3	BENGKEL REKA BENTUK PERKHIDMATAN KREATIF PENGURUSAN PERNIAGAAN PELANCONGAN SECARA DIGITAL	23	VISCOM SHOW 36 BERTEMAKAN ECLECTIC
4	PIS SPORT AND HEALTH DAY 2023	24	VISCOM SHOW 36 PENYERTAAN DIPLOMA ANIMASI KREATIF
5	MPU24021 KOKURIKULUM 2 KELAB LAYANG-LAYANG FESTIVAL LAYANG-LAYANG SEDUNIA PASIR GUDANG KE-25	25	VISCOM SILVER- AVANT GARDE ART OF IR4.0 SEMPENA SAMBUTAN JUBLI PERAK PIS : PENERAJU HIGH ART DALAM EKOSISTEM TVET
7	KUMPULAN RASA SAYANG NAIB JOHAN MELUKIS WAU DAUN 2D	26	MAJLIS GEMILANG 25 TAHUN POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN 2023
8	LITTLE ARTIST CHARITY RUMAH ANAK-ANAK YATIM SHAFAR	27	JPH DEAF JUNIOR SKILLS COMPETITION 2023
9	LAWATAN AKADEMIK KE BANDARAYA JOHOR BAHRU MELAKSANAKAN KERJA KURSUS PROGRAM DRG	28	SAUH 4 PELUKIS 4 NEGARA
11	BENGKEL MINDA KREATIF BERASASKAN KOMUNITI	29	MAJLIS SANJUNG BUDI
12	BENGKEL MEWARNA BATIK	30	LAWATAN KERJA YB MENTERI PENDIDIKAN TINGGI
13	BENGKEL SULAMAN TANGAN	31	JALINAN KOLABORASI CDEC DAN LAS COFFEE
14	BENGKEL TIE & DYE	33	AUDIT VERIFIKASI PENCAPAIAN COT POLITEKNIK MALAYSIA ZON SELATAN @ CDEC
15	BENGKEL DOODLE ART	34	INOVATION iPLANT INTERACTIVE PLANTATION
16	SEINDAH KASIH BERSAMA MEDIA PRIMA	35	SMART JACKET FOR DEAF AND MUTE
17	PERTANDINGAN 10TH INTERNATIONAL ABILYMPICS 2023 DI METZ, FRANCE	36	CDEC SHOPPE



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



Sekalung TAHNIAH

TUAN HAJI ULAIMI BIN YAHYA

atas pelantikan sebagai

**Pengarah
Politeknik Ibrahim Sultan
ke-15**

berkuatkuasa 23 Jun 2023 (Jumaat)

Ikhlas daripada

Seluruh warga kerja
dan mahasiswa Politeknik Ibrahim Sultan



POLYCCOfficial
www.mypolycc.edu.my



POLYCC

Seluruh Warga CDeC

turut mengucapkan

TAHNIAH dan SELAMAT DATANG

BENGKEL TIE & DYE SHIBORI

Disediakan oleh: Earni binti Mohamed Azhari

Bengkel Tie & Dye Shibori siri 1 dan 2 telah berlangsung pada 11-12 Januari dan 25 -26 Januari 2023 bertempat di Design Studio Fashion, Politeknik Ibrahim Sultan. Tenaga pengajar terlibat adalah Pn. Noorhati binti Abd Kadir dan fasilitator adalah Suhaili binti Salleh daripada Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual. Bengkel ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada komuniti dan industri tentang seni tie & dye dengan memfokuskan kepada teknik shibori dari Jepun. Seramai 10 orang peserta bagi setiap siri telah terlibat dari kalangan orang awam. Sebagai pengenalan, peserta telah didedahkan kepada jenis dan produk tie & dye yang ada di pasaran sekarang. Peserta juga diperkenalkan kepada kesemua alat-alat dan bahan-bahan yang diperlukan dalam proses tie & dye shibori. Langkah seterusnya adalah demonstrasi teknik membancuh warna neftol bersama kiraan formula bancuhan bahan kimia yang betul.



Di sambung pula dengan demonstrasi mengikat pelbagai jenis teknik shibori pada kain sampel untuk latihan. Setelah semua peserta selesai mengikat beberapa jenis teknik ikatan, bengkel disambung dengan sesi demonstrasi proses mewarna. Peserta diberikan masa untuk mewarna beberapa sampel ikatan kain dengan menggunakan pelbagai kombinasi warna mengikut kreativiti masing-masing. Pada penghujung bengkel ini, peserta dikehendaki untuk menghasilkan fabrik bercorak sepanjang dua meter dengan mengaplikasikan teknik-teknik tie & dye shibori mengikut kreativiti masing-masing. Kesemua peserta bengkel telah dengan jayanya menghasilkan fabrik tie & dye shibori yang amat menarik dan kreatif.



CDeC UNGGULI PEOPLE'S CHOICE AWARD

Disediakan oleh : Siti Adila binti Mohamad Yazid



Bertemakan 'floral elegant' Majlis Apresiasi Gemilang Politeknik Ibrahim Sultan ke-3 telah diadakan pada 18 Januari 2023 bagi meraikan seluruh warga kerja Politeknik Ibrahim Sultan.

Kayangan Event Hall meriah dengan kehadiran staff akademik dan pentadbiran bagi meraikan majlis yang diadakan julung kalinya setelah berlalunya pandemic Covid-19. Ternyata, peluang seperti ini telah dapat menghimpunkan warga PIS dari semua jabatan dan juga unit sokongan.

Dihoskan oleh Jabatan Pengajian Am, majlis ini telah menyaksikan pelbagai anugerah diberikan bagi menghargai komitmen tinggi staf PIS bagi tahun-tahun sebelumnya dan tahun 2022 khususnya.

Majlis diserikan dengan persembahan nyanyian khas duet Pengarah PIS, Ts. Noor Aidi binti Nadzri dan juga pengurus Creative Design Centre (CDeC), En. Abdul Razak bin Salim. Terdapat juga acara-acara selingan yang diadakan seperti anugerah pakaian terbaik, acara permainan trivia selingan, dan cabutan bertuah.

Tak pulang tangan kosong, CDeC telah berjaya mengungguli anugerah People's Choice Award bagi MAGPIS 2023. Anugerah yang telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, En. Noor Azmi bin Hj. Asmawi PIS ini telah diterima oleh Pengurus CDeC dan diraikan oleh keseluruhan warga kerja CDeC yang bukan sahaja terdiri daripada kakitangan pelbagai jabatan malah staf daripada unit sokongan yang memainkan peranan penting dalam memastikan setiap KPI CDeC tercapai saban tahun.



BENGGEL REKA BENTUK PERKHIDMATAN KREATIF PENGURUSAN PERNIAGAAN PELANCONGAN SECARA DIGITAL

Disediakan oleh : Abdul Kharim bin Abdul Hamid



Bengkel Reka Bentuk Perkhidmatan Kreatif Pengurusan Perniagaan Pelancongan Secara Digital telah diadakan pada 15 dan 16 Februari 2023. Program ini merupakan kesinambungan daripada jalinan kolaborasi CDeC dan IRDA yang mana merupakan rentetan daripada program Bengkel Minda Kreatif Pelancongan: Dari Biasa – Biasa Menjadi Luar Biasa dan Lawatan Penanda Aras ke Lenggong, Perak.

Pogram yang diadakan pada kali ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada para peserta mengenai kaedah pembangunan, pengurusan dan pemasaran produk serta perkhidmatan pelancongan berasaskan komuniti yang berimpak tinggi, program ini telah disertai oleh wakil daripada beberapa koperasi terpilih antaranya Koperasi Dinamik, Koperasi Gunung Pulai, Koperasi Kampung Kong Kong, Koperasi Kampung Permas Besar, dan Koperasi Ulu Pulai.



Melalui program ini, peserta telah dapat menghasilkan satu laman web ringkas sebagai saluran promosi dan pengenalan produk pelancongan yang dijalankan.

Selain itu, terdapat juga aktiviti selingan Bengkel Art Therapy yang dikelola oleh kaunselor bertauliah daripada PIS.

Secara rumusan, adalah diharapkan agar program ini dapat memberi nafas baharu kepada aktiviti pelancongan berasaskan komuniti di Wilayah Iskandar Malaysia di samping meningkatkan potensi pasaran dan jaringan kerjasama bersama pemain industri pelancongan.

P.I.S SPORTS and HEALTH DAY 2023

Disediakan oleh:
Harris Iman Bin Salim
Ismalyza Binti Mt. Arif



Aktiviti Senamrobik bersama Coach Seyyman dari Energy Life Fitness



Aktiviti Splash Run 23'



Aktiviti Futsal



Aktiviti Badminton

Program P.I.S Sports And Health Day 2023 telah berlangsung dengan jayanya pada 7 Mac 2023 bersamaan hari Selasa, bersempena 25 tahun Jubli Perak bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan di antara para pelajar, pensyarah dan seluruh warga Politeknik Ibrahim Sultan dengan menitikberatkan aspek kesedaran kesihatan dan aktiviti kesukanan.

Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah Splash Run 23', senamrobik, pertandingan badminton, pertandingan futsal dan Tiktok Dance terbuka kepada seluruh warga P.I.S. Antara fasiliti yang digunakan bagi menjayakan program ini adalah Dewan Tunku Laksamana Abdul Jalil (DTLAJ), Kompleks Sukan serta Creative Design Centre (CDEC).



Para Pemenang
P.I.S Sports And Health Day 2023



Ceramah Kesedaran bersama
National Kidney Foundation Malaysia

" kesedaran
kesihatan
dan aktiviti
kesukanan "

Program ini merupakan program anjuran kelas DRG4C dibawah kursus DVI40103 Event Management, Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual (JRKV) dengan kolaborasi National Kidney Foundation Malaysia dan Energy Life Fitness.

MPU24021 Kokurikulum 2 Kelab Layang-Layang

FESTIVAL LAYANG-LAYANG SEDUNIA PASIR GUDANG (FLLSPG) KE-25

Disediakan oleh : Siti Salwa binti Kusairi



Festival memasuki usia Jubli Perak 25 tahun bertemakan Layangkasa Dinamik, dirasmikan oleh Menteri Besar Johor Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz bin Dato' Ghazi. Tarikan menarik festival kali ini disertai 110 peserta dari 40 negara termasuk empat penyertaan baru melibatkan Isle of Man, Ireland Utara, Republik Czech dan Tahiti bagi penyertaan antarabangsa.



Pelbagai acara menarik diadakan seperti pertandingan layang-layang 3D dan Wau Daun 2D, serta menaikkan 25 Wau Tradisional Malaysia secara serentak oleh 25 peserta antarabangsa dengan memakai busana tradisional negara bagi pengiktirafan Malaysia Book Of Records.

Festival ini merupakan anjuran bersama Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Persatuan Layang-Layang Johor, Majlis Pelayang Malaysia, Tourism Johor, Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Johor, Pasir Gudang Tourism Association dan Politeknik Ibrahim Sultan sebagai urusetia pertandingan layang-layang 3D dan Wau Daun 2D.



Selaras dengan aspirasi pelajar, Kelab layang-layang dibawah seliaan pensyarah kursus MPU24021 Kokurikulum 2, Cik Siti Salwa binti Kusairi menghantar penyertaan pelajar kelab seramai 20 orang pelajar merentas jabatan untuk menyertai pertandingan kategori layang-layang kreatif bebas 3D dan pertandingan melukis Wau Daun 2D Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang (FLLSPG) ke-25 di Bukit Layang-Layang di Pasir Gudang mulai 22 hingga 26 Februari 2023.

Kelab layang-layang memfokuskan kepada penguasaan ilmu dan kemahiran khas secara holistik bagi memantapkan pembangunan kemahiran insaniah yang positif. Kelab layang-layang menggalakkan mahasiswa untuk menyertai aktiviti-aktiviti luar program berimpak tinggi menggunakan kepakaran bidang teknologi TVET institusi.



Pelaksanaan program di peringkat antarabangsa ini dalam mencapai aspirasi pelajar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025. Penyertaan kelab layang-layang untuk mempamerkan kemahiran khusus untuk kelab layang-layang, menunjukkan kepimpinan, kerja berpasukan berdasarkan penguasaan kemahiran dan amalan positif dan menunjukkan kemahiran pembelajaran kelab layang-layang untuk pembelajaran sepanjang hayat.

Penyertaan pelajar kelab layang-layang kategori pertandingan layang-layang 3D dan pertandingan Wau Daun 2D, keputusan pertandingan dikeluarkan oleh Biro Pengadilkan Majlis Pelayang. Kategori layang-layang bebas 3D, pelajar semester 2 kokurikulum kelab layang-layang Nuraleeya Safeeya binti Musa dan Mohamad Azam bin Kasdan mendapat tempat ke 7 dari 10 tempat yang dipertandingkan.

Pelajar menerima wang tunai kemenangan bernilai RM100 dan sijil. Manakala kategori Wau Daun 2D, Muhammad Alif Najwan bin Mohd Azman dan Mohamad Hairi Haikal bin Basri mendapat tempat kesepuluh dari sepuluh tempat yang dipertandingkan. Pelajar menerima wang tunai kemenangan bernilai RM100 dan sijil.

Penyertaan pertandingan pelajar semester 2 kokurikulum kelab layang-layang di Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang (FLLSPG) ke-25 dapat mewujudkan nilai-nilai yang terdapat pada permainan layang-layang seperti fokus, kerjasama, keterampilan, kreatif dan kompetitif. Diharapkan penyertaan ini menerapkan golongan pelajar yang kreatif, inovatif dan berkebolehan.

" Layang-layang atau wau ialah sejenis alat permainan yang boleh terbang ditiup angin di udara "



KUMPULAN RASA SAYANG NAIB JOHAN MELUKIS WAU DAUN 2D



Disediakan oleh : Ismalyza Mt. Arif / Nor Azlinda Gaman

Kumpulan Rasa Sayang telah dinobatkan sebagai Naib Johan bagi pertandingan Festival Layang-Layang Sedunia Sempena Ulang Tahun ke 25 pada 22 hingga 26 Februari 2023 yang lalu bagi kategori Pertandingan melukis Wau Daun 2D Peringkat Komuniti 24 Zon Pasir Gudang.

Kumpulan Rasa Sayang mewakili Zon Desa Rakyat dianggotai oleh 2 pensyarah iaitu Pn. Ismalyza binti Mt. Arif dan Pn. Nor Azlinda binti Gaman serta seorang pelajar Sijil Kemahiran Grafik, Semester 2 Sesi 2:2022/2023 iaitu Young Chee Long dari Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan. Wakil komuniti turut turun padang pada hari pertandingan memberikan semangat kepada ahli Kumpulan Rasa Sayang.

Perjalanan bermula dengan melawat Muzium Layang-Layang serta menemubual kurator bagi mendapatkan idea dan inspirasi bagi menghasilkan rekacorak wau daun bertemakan warisan Johor yang merupakan antara syarat pertandingan wau 2D.

Pilihan motif kain tenun johor dan lada hitam diolah dan di ringkaskan bagi menghasilkan rekacorak estetika bersesuaian dengan wau 2D.

Pertandingan ini sangat bermakna dan merupakan pengalaman pertama bagi Yong Chee Long. Beliau merupakan pelajar berkeperluan khas masalah pendengaran dan pertuturan bagi menyahut cabaran dalam menyertai pertandingan bersama komuniti dalam skala yang besar. Kursus Ilustrasi banyak membantu Yong mempraktis skil semasa proses melakar dan mewarna. Beliau teruja dan gembira dengan kemenangan tersebut, secara tidak langsung dapat mencungkil bakat, kreativiti dan keyakinan diri bersama masyarakat luar.



Kumpulan Rasa Sayang dinobatkan sebagai Naib Johan bagi Kategori Melukis Wau Daun 2D



Proses melukis, melakar dan mewarna motif pada Wau Daun 2D di A4, JRKV, PIS.



Ahli Kumpulan Rasa Sayang bersama wakil Komuniti Zon Desa Rakyat sebelum penjurian.



Bersama Kurator di Muzium Layang-Layang, Pasir Gudang, Johor.

LITTLE *Artist* CHARITY

RUMAH ANAK-ANAK YATIM SHAFAR

Disediakan oleh : Nur Aliah Maisarah binti Mohd Anizam
Ts. Sheril Syazwani binti Salleh

Pada 16 Mac 2023 telah berlangsung satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) iaitu Little Artist Charity di rumah Anak-Anak Yatim Shafar, Johor Bahru yang dianjurkan oleh pelajar-pelajar DRG4A bagi kursus DVI40103 Event Management dibawah bimbingan Ts. Sheril Syazwani binti Salleh. KPI 4 dan KPI 12 Politeknik Ibrahim Sultan telah dicapai bersama objektif kursus dengan pelaksanaan program ini.



Gambar kenangan bersama Pengasas Rumah Anak-Anak Yatim Shafar, Pn. Fauziah Shaik Omar.

Program CSR ini bermula pada jam 8.30 pagi sehingga 2.00 petang dengan pelbagai aktiviti yang dilaksanakan. Aktiviti riadah dimulakan pada waktu pagi untuk memeriahkan dan menghangatkan suasana disamping aktiviti lukisan muka, pokok saya, senamrobik, tiup belon, lompat getah, congkak dan batu seremban yang amat menarik perhatian kanak-kanak.

Bersambung dengan aktiviti perkongsian seni kreatif oleh pelajar-pelajar DRG4A bersama anak-anak yatim. Antara aktiviti seni kreatif yang dijalankan adalah Teknik Lukisan Acrylic, Teknik Lukisan Watercolor, Seni Doodle, charm beads dan banyak lagi.

Pada sesi tengahari telah berlangsung sambutan hari lahir buat anak-anak yatim di rumah Anak Yatim Shafar. Akhir sekali adalah serahan bantuan Ramadhan berbentuk makanan dan wang tunai kepada Pn. Fauziah. Bantuan Hari Raya Aidilfitri juga diserahkan berbentuk sepersalinan baju kurung, tudung dan duit raya RM50 untuk setiap seorang anak-anak yang diraikan.

Tajaan makan tengahari adalah daripada Mama Steamboat & Grill. Manakala tajaan sarapan pagi adalah daripada Abris Bread. Tajaan kerepek adalah daripada Kerepek Warisan Semenyih dan tajaan kelengkapan barangan aktiviti adalah daripada Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) 7 Kompeni Kor Polis Tentera Diraja. BAKAT 7KPTD juga bekerjasama dalam persiapan tempat dan pengendalian bersama pelajar ketika sebelum dan semasa majlis berlangsung.

Pihak Hasnuri memberi kerjasama dalam pembelian dan penyediaan baju Hari Raya buat anak-anak yatim. Program ini juga telah menerima sumbangan daripada warga-warga Politeknik Ibrahim Sultan dan komuniti. Terima kasih diucapkan buat semua yang menyumbang dan terlibat secara langsung mahupun tidak.



Jawatankuasa pelaksana pelajar DRG4A bersama dengan anak-anak yatim yang diraikan.



Antara aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

LAWATAN AKADEMIK KE BANDARAYA JOHOR BAHRU BAGI MELAKSANAKAN KERJA KURSUS PROGRAM DIPLOMA REKABENTUK GRAFIK

Disediakan oleh: Siti Salwa binti Kusairi / Normatul Shafinaz binti Omar

Pembelajaran luar bilik darjah adalah suatu program atau aktiviti luar bilik darjah yang terancang dan berstruktur. Aktiviti ini berpusatkan pelajar dan bertujuan untuk menyokong dan mengukuhkan pelaksanaan kurikulum. Ia juga merangkumi persekitaran pembelajaran yang progresif. Pembelajaran luar bilik darjah merangkumi tiga domain pembelajaran iaitu domain pengetahuan, domain sikap dan domain kemahiran.

Aktiviti yang dirancang dan berstruktur dapat mengukuhkan kefahaman pelajar terhadap konsep yang dipelajari dalam kelas, memberikan pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar, bermakna dan menyeronokkan, membolehkan pelajar berfikir dan menguasai ilmu pengetahuan melalui pengalaman kontekstual, meningkatkan minat dan sikap pelajar untuk belajar, mengembangkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan.

Justeru, apakah kelebihan atau faedah pembelajaran luar bilik darjah ini? Melahirkan minat terhadap perkara baru. Apabila berlaku sesuatu di sekeliling kita, ia akan menarik minat kita untuk mengetahui dengan lebih lanjut. Proses ini membolehkan mereka untuk mempelajari sesuatu yang baru dalam kehidupan.



Aktiviti pelajar di lapangan sekitar kawasan Johor Bahru

Lawatan Akademik ke Bandaraya Johor Bahru bagi melaksanakan kerja kursus Program Diploma Rekabentuk Grafik melibatkan tiga kursus iaitu DVG10013 Introduction to Drawing, DVG10012 Digital Photography dan DVF10013 Introduction to Art and Design telah berlangsung pada 21 Mac 2023. Pensyarah yang terlibat ialah Ketua Program Diploma Rekabentuk Grafik; Pn Normatul Shafinaz binti Omar, Ts. Ezlina binti Mohamad Esa, Cik Siti Salwa binti Kusairi dan Pn Khadijah binti Md Ali. Seramai 25 orang pelajar DRG1A dan DRG1B semester satu mengikuti program ini untuk mengembangkan kemahiran mengumpul, memproses dan menganalisis data dan maklumat.





Eksplorasi bermula di mercu tanda Kilometer Sifar atau 0 KM yang terletak di tengah bandar Johor Bahru merupakan kedudukan yang paling selatan bukan sahaja di Semenanjung Malaysia malah bagi Tanah Besar Asia. Mercu tanda 0 KM juga merupakan permulaan bagi tempat bermulanya ukuran KM di Semenanjung Malaysia. Seterusnya kawasan terlibat kerja kursus ialah laluan kebudayaan Tan Hiok Nee, Segget Walk, Little India, Jalan bukit Timbalan, Jalan Wong Ah Fook, Jalan Trus dan Jalan Dhoby.

Pembelajaran luar bilik darjah memberi pendedahan kepada pelajar secara aktif dan eksploratif melalui sesi secara bersemuka dimana pelajar perlu melaksanakan tugas pada masa yang ditetapkan dengan arahan yang diberikan dan ini bagi meningkatkan keyakinan pelajar apabila mereka bekerja di lapangan sebenar dan bekerja di dalam satu pasukan kelak.



Lawatan akademik seperti ini meningkatkan kemahiran bagi penjaanaan idea dan kreativiti semasa melaksanakan projek dan tugas pelajar. Pelajar-pelajar mempelajari teknik-teknik sinematik panorama, mengeksplorari teknik fast sketch dan menekuni teknik perspektif dengan melakar vista pemandangan di Bandaraya Johor Bahru. Program ini diharapkan dapat meningkatkan kemahiran interpersonal serta input apabila terdapat perubahan ketara dalam trend dan teknologi terkini di industri.

Ini mencapai KPI 4 Teras Stategik 1 iaitu menghasilkan graduan TVET berkualiti dan bercirikan global. Peningkatan kemahiran interpersonal serta input apabila terdapat perubahan ketara dalam trend dan teknologi terkini di industri. Ia juga sebagai persediaan proses penambahbaikan kurikulum (CQI) Diploma Rekabentuk Grafik, JPPKK tahun 2023 – 2025 serta keperluan pembuktian Criterion II Teaching & Learning Activities bagi audit APPAC 2023.



Impak program lawatan akademik mencapai sasaran hasil pembelajaran merangkumi menggunakan pengetahuan luas termasuk kemahiran numerasi dalam Reka Bentuk Grafik, Menggunakan pengetahuan reka bentuk dan karya seni inovatif Reka Bentuk Grafik, menunjukkan keupayaan untuk menyatakan, berkomunikasi dan mendokumentasikan aliran kerja dengan rakan sebaya, pelanggan, pihak atasan dan masyarakat, menyatakan literasi visual dan komunikasi dalam Reka Bentuk Grafik dan menunjukkan inisiatif pembelajaran sepanjang hayat untuk pembangunan akademik dan kerjaya serta minda keusahawanan dalam aplikasi Reka Bentuk Grafik.

BENGKEL MINDA KREATIF BERASASKAN KOMUNITI

Disediakan oleh : Abdul Razak bin Salim

Creative Design Centre (CDeC) selaku pelaksana diketuai oleh Encik Abdul Kharim bin Abdul Hamid bersama urusetia Pn. Siti Adila binti Mohamad Yazi dan Cik Nursyahirah binti Rohaizan (pelajar praktikal) bagi program BENGKEL MINDA KREATIF PELANCONGAN & LAWATAN PENANDA ARAS PELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI telah berlangsung pada 22-26 Mac 2023. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada para peserta mengenai kaedah pembangunan, pengurusan dan pemasaran produk serta perkhidmatan pelancongan berasaskan komuniti yang berimpak tinggi.

22 Mac 2022

Peserta menuju ke Impiana Hotel, Senai daripada IRDA untuk sesi Slot Minda Kreatif Pelancongan: 'Pelancongan Berasaskan Komuniti: Dari Biasa – Biasa ke Luar Biasa' bersama Professor Madya Ts Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq.



Taklimat ringkas perjalanan program disampaikan oleh En. Abdul Kharim bin Abdul Hamid



Bengkel Minda Kreatif bersama Professor Madya Ts Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq

23 Mac 2022

Lawatan ke Resort Tasik Raban dan Rumah Rusa Ayah An. Turut berlangsung sesi perkongsian idea bersama pengusaha pelancongan tempatan Lenggong, Perak iaitu Abd. Rashid Harun.



Pengenalan tentang Rumah Rusa Ayah An



24 Mac 2022

Lawatan ke Jeti Pipit untuk menaiki Boat Cruise Mini Amazon Kg. Beng, Telaga Biru, Galeri Aki Aji, Amazing Camp Legacy dan Masjid Raja Kg. Chepor. Seterusnya, sesi perkongsian idea bersama YDP Majlis Daerah Lenggong, Mohd. Amzari bin Mohd Arzami dan juga bersama penyelia Radak Adventure telah dilaksanakan.



Perjalanan menuju ke Mini Amazon Kg Beng

25 Mac 2022

Lawatan ke Rumah Tiang 16, dan Bagas Zakariah, Gopeng.

26 Mac 2022

Lawatan ke "Concubine Street" dan bertolak balik ke Johor Bahru.



Menara yang dibina menggunakan buluh di Jeti Nelayan



Pemandangan dari luar Masjid Raja

Impak program ini dilihat dapat mengeratkan hubungan antara koperasi- koperasi yang terlibat serta meningkatkan jalinan kolaborasi bersama pengusaha tempatan. Idea yang didapati dari lawatan tersebut boleh dijadikan contoh untuk meningkatkan lagi tarikan di tempat pelancongan masing – masing serta menyediakan prasarana dan mengenalpasti keunikan produk pelancongan yang boleh diketengahkan.

PROGRAM CUTI SEKOLAH BENGKEL MEWARNA BATIK

Disediakan oleh : Earni binti Mohamed Azhari



Pasir Gudang: 13 Mac 2023, Bengkel Mewarna Batik ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada komuniti tertutamanya pelajar sekolah tentang seni kreatif batik bertempat di Design Studio Fesyen, Politeknik Ibrahim Sultan.

Seramai 17 orang peserta dari kalangan pelajar sekolah telah menyertai bengkel ini dengan jayanya. Sebagai pengenalan, peserta telah didedahkan kepada jenis dan produk batik Malaysia.

Kemudian, peserta diperkenalkan pula dengan alat dan bahan untuk membatik. Satu demonstrasi mencanting batik dan mewarna juga telah dijalankan sebelum peserta diajar bagaimana teknik dan proses membancuh warna dilakukan.

Peserta kemudiannya menggunakan warna-warna yang telah dibancuh untuk mewarna rekabentuk batik canting yang telah disediakan. Seorang penceramah, Puan Noranisah binti Marni dan tiga orang fasilitator iaitu Nor Emylia binti Abdul Rahim, Nurfatin Hafizah binti Md Hamdan dan Nur Kamalia binti Saharuddin telah terlibat dalam melaksanakan program ini.

Impak program telah dicapai dengan pelaksanaan program ini.



PROGRAM CUTI SEKOLAH BENGKEL SULAMAN TANGAN

Disediakan oleh : Earni binti Mohamed Azhari

Bengkel Sulaman Tangan dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada komuniti dan industri tentang teknik penghasilan produk sulaman tangan pada 22 Mac 2023 bertempat di Bilik Lukisan CDeC. Seramai 16 orang peserta dari kalangan komuniti telah menyertai bengkel ini.

Sebagai pengenalan, peserta telah didedahkan kepada jenis dan produk sulaman yang ada di pasaran sekarang. Peserta juga diperkenalkan kepada kesemua alat-alat dan bahan-bahan yang diperlukan dalam menghasilkan sulaman tangan. Satu set kit sulaman telah diagihkan yang mengandungi semua alat dan bahan yang diperlukan untuk menghasilkan sampel dan produk sulaman tangan.

Langkah seterusnya adalah demonstrasi teknik menyulam pelbagai jenis sulaman pada kain sampel untuk latihan. Setelah semua peserta selesai menghasilkan sampel mata jahitan sulaman, peserta kemudian mengaplikasikan teknik-teknik tersebut pada sehelai tote bag dengan pelbagai kombinasi mengikut kreativiti masing-masing.

Pada penghujung sesi bengkel, peserta dapat menghasilkan sulaman tangan untuk menghiasi sehelai tote bag yang amat menarik dan kreatif dengan jayanya. Turut berterima kasih kepada Pn. Irni Nor Suhana binti Ismail selaku Penceramah/Tenaga Pengajar serta semua jawatankuasa yang terlibat.



PROGRAM CUTI SEKOLAH

BENGGKEL TIE & DYE

Disediakan oleh : Earni binti Mohamed Azhari



Bengkel Tie & Dye dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada komuniti terutamanya pelajar sekolah tentang seni tie & dye. Penceramah/tenaga pengajar yang terlibat adalah Cik Suhaili binti Sallej, Pn. Noorhati binti Abd Kadir dan Pn. Noranisah binti Marni daripada Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan.

Bengkel ini telah berlangsung pada 6 Mac 2023 di Design Studio Fashion, PIS dengan penglibatan seramai 17 orang peserta. Sebagai pengenalan, peserta telah didedahkan kepada jenis dan produk yang dihasilkan menggunakan teknik tie & dye. Kemudian, peserta diperkenalkan pula dengan alat dan bahan untuk proses tie & dye.



Demonstrasi teknik mengikat dan mewarna tie & dye juga telah dijalankan untuk menghasilkan sampel rekabentuk peserta. Peserta telah mengaplikasi teknik-teknik tie & dye pada sehelai T-shirt mengikut kreativiti masing-masing.

Impak program adalah dari segi promosi CDeC sebagai pusat latihan bidang seni kreatif kepada komuniti dan dapat mengisi waktu cuti sekolah dengan ilmu seni kreatif.



PROGRAM CUTI SEKOLAH BENGKEL DOODLE ART

Disediakan oleh : Earni binti Mohamed Azhari

Bahagian Pengajaran Dan Pembelajaran CDEC, Politeknik Ibrahim Sultan telah menganjurkan Bengkel Doodle Art Siri 1 pada 6 Mac 2023 dan Bengkel Doodle Art Siri 2 pada 8 Mac 2023 bertempat di Bilik Lukisan CDeC. Penceramah yang terlibat adalah Puan Qistina binti Arshad, Nurhamizah binti Misuan dan Azmerizal bin Azeman daripada Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual, PIS.

Objektif bengkel adalah untuk:

- Mendedahkan peserta kepada jenis dan produk Doodle Art.
- Mendedahkan peserta kepada penggunaan alat dan bahan untuk doodle art.
- Mengenalpasti proses dan teknik melukis doodle art..
- Menghasilkan produk yang menggunakan doodle art.

Dua siri bengkel ini telah dilaksanakan berikutan permintaan yang tinggi pihak komuniti. Bengkel ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada komuniti tertutamanya pelajar sekolah tentang Doodle Art. Seramai 20 orang peserta bagi setiap siri adalah terdiri daripada kalangan pelajar sekolah.

Bengkel telah dimulakan dengan senaman ringan untuk sesi ice breaking. Sebagai pengenalan, peserta telah didedahkan kepada jenis dan produk yang menggunakan doodle art. Kemudian, peserta diperkenalkan pula dengan alat dan bahan yang diperlukan untuk melukis. Demonstrasi teknik melukis doodle art telah dijalankan sebelum peserta berlatih melakukannya sendiri di dalam buku lakaran yang disediakan.

Peserta kemudiannya menggunakan teknik-teknik dan mengaplikasi kreativiti masing-masing untuk menghasilkan penanda buku. Peserta diminta untuk mempersembahkan hasil rekaan mereka pada peserta lain sebelum menghasilkan produk akhir mereka iaitu sebuah mug yang dihiasi dengan doodle art.



SEINDAH KASIH BERSAMA MEDIA PRIMA

Disediakan oleh : Sherin binti Abdullah / Ts. Sheril Syazwani Binti Salleh

Program Seindah Kasih bersama Media Prima telah menjalinkan kolaborasi bersama pasukan 7 Kompeni Kor Polis Tentera Diraja (7KPTD) yang berlangsung di Rumah Anak-Anak Yatim Shafar, Johor Bahru pada 7 April 2023 bermula 9.00 pagi sehingga 8.00 malam. Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini dianjurkan oleh pelajar-pelajar MPU24021 Kelab Kraftangan Tradisional Kumpulan D, Jabatan Sukan, Ko-Kurikulum dan Kebudayaan serta Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan dibawah kelolaan Pn. Sheril Syazwani binti Salleh dan pensyarah pengiring, Pn. Nur Fatin Athirah binti Mohd Narawai.

Pengisian programnya adalah terbahagi kepada tiga peringkat iaitu sesi pagi telah berlangsung gotong royong Ramadhan untuk menceriakan rumah anak yatim tersebut. Selain itu, pelajar-pelajar JRKV yang terlibat telah membuat lukisan mural seindah kasih di bilik belajar. Sesi kedua pula melibatkan pelajar-pelajar Kokurikulum untuk menganjur dan berkongsi pengetahuan aktiviti seni dan kraf bersama komuniti dan anak-anak yatim.



Ini merupakan kriteria penilaian dan pembelajaran kursus tersebut (*CLO2: Show leadership and teamwork based on skillmastery and positive practices*). Antara aktiviti kraftangan adalah anyaman ketupat reben, anyaman kad hari raya, seni doodle untuk sampul duit raya dan mug, hiasan dekorasi raya, dan sulaman tangan. Sesi ketiga pula adalah sesi memasak juadah berbuka puasa secara gotong royong. Kehadiran selebriti seperti penyanyi terkenal, Tajul Ariff; pelakon, Azrel Ismail; pelakon komedi, Acap Jamaludin dan hos OHBULAN! TV, Nasha Nazari serta Ash Nordin telah memeriahkan suasana.



PERTANDINGAN 10th INTERNATIONAL ABILYMPICS 2023 DI METZ, FRANCE

Disediakan oleh : Nor Hidayah binti Halim / Johaini bin Ibrahim

Pada 23 Mac hingga 25 Mac 2023, telah berlangsungnya Pertandingan 10th International Abilympics 2023 di Metz France. Alumni Politeknik Ibrahim Sultan dari Sijil Kemahiran Fesyen dan Pakaian iaitu Nur Amiratul Farahin Binti Ab. Rahman dan Sijil Kemahiran Rekabentuk Grafik iaitu Muhammad Darwisy Haziq Bin Mohd Zam dari telah mewakili orang kurang upaya Malaysia bagi pertandingan yang mengiktiraf kebolehan orang kurang upaya di dalam bidang pekerjaan masing-masing.

Nur Amiratul Farahin telah menyertai kategori Painting and Waste Reuse manakala Muhammad Darwisy Haziq Bin Mohd Zam telah mewakili kategori Outdoor Photography. Pertandingan yang berlangsung di Parc des Expositions, Metz selama tiga hari mengikut tugasan yang ditetapkan.




Wakil Politeknik Ibrahim Sultan bagi Pertandingan 10th International Abilympics di France bersama jurulatih



Bersama pasukan POLYCC & Datin Paduka Khatijah Suleiman sebelum berangkat ke Perancis



Tugasan yang telah siap yang diberi tajuk The Anger of Mother Earth. Terdapat mesej yang ingin disampaikan oleh Nur Amiratul Farahin Binti Ab. Rahman



GEMPAK MOST WANTED

Disediakan oleh : Mohd Izswan bin Mohd Sidik

Sejak dilancarkan pada tahun-tahun terdahulu, program anugerah Gempak Most Wanted 2022 kali ini kembali lagi dan telah dilaksanakan secara langsung pada 26 Februari 2023 di Auditorium Majlis Bandaraya Shah Alam, Selangor bagi meraikan mereka yang trending di Malaysia. Program santai hiburan ini semestinya memfokuskan kepada individu mahupun duo berkumpul untuk Gempak Most Wanted 2022 tampil memberikan penghargaan kepada mereka yang berpengaruh seperti selebriti, content creator dan kandungan yang menghangatkan dunia digital negara.

Dengan #TerpalingTrending pada kali ini, Gempak Most Wanted 2022 telah dikendalikan oleh empat bintang selebriti yang kian bersinar seperti Amelia Henderson, Elly Mazlien, Sean Lee dan penyampai Radio Era Radin Amir Affendy. Mereka diberikan tanggungjawab mengendalikan program ini sebagai host utama, dan sudah pastinya memberikan keriuhan pada malam acara anugerah itu.



Busana yang dihasilkan oleh para pensyarah dan pelajar telah digayakan oleh hos rancangan Gempak Most Wanted iaitu Cik Amelia Henderson



Politeknik Ibrahim Sultan melalui staf Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual iaitu Puan Farahiyah Binti Abd Rahim, Ts. Mohd Farhairuddin bin Anuar dan Encik Mohd Izswan bin Mohd Sidik telah diberikan tanggungjawab bagi menghasilkan busana bagi salah seorang hos pada malam kemuncak anugerah ini iaitu pelakon yang kian menyinar kini, Cik Amelia Henderson.

Beliau telah mengendalikan program ini bersama rakan hos yang lain dan memakai busana yang akan dihasilkan oleh kumpulan pensyarah dan empat pelajar dari Program Rekabentuk Fesyen dan Pakaian dari kelas DFP3B. Pada malam acara anugerah ini, Cik Amelia Henderson telah mengenakan busana yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar ini sewaktu sesi kedua sepanjang program ini berlangsung.

Proses penyediaan dan penghasilan busana ini pastinya bermula dengan perbincangan diantara staf Puan Farahiyah binti Abd Rahim bersama juru tatarias cik Amelia Henderson, kata sepakat dipersetujui, lakaran busana dan sehinggalah kepada produk akhir yang dihasilkan. Proses fitting dilakukan pada 25 Februari 2023 bagi memastikan busana yang dikenakan ini tampak sempurna semasa bersiaran secara langsung.

BENGGEL SENI JAHITAN MANIK KREATIF

Disediakan oleh : Nurrul Asmar binti Azhan

Bengkel Seni Jahitan Manik Kreatif yang dianjurkan pada 8 Mei 2023 adalah bertujuan untuk menjadi platform perkongsian ilmu dalam bidang fesyen terutama seni jahitan manik kepada komuniti.

Seramai 102 orang peserta iaitu pelajar dan guru yang terlibat daripada 3 buah sekolah sekitar Pasir Gudang. Sekolah yang terlibat adalah Sekolah Seni Johor, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Scientex dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Molek. Terdapat 15 seni jahitan manik kreatif yang di ajar oleh pelajar dan pensyarah pembimbing program.



Jahitan manik yang menarik dan kreatif di pertandingan bagi merangkul hadiah tempat pertama, kedua dan ketiga bagi melahirkan idea baru serta membudayakan keusahawanan dalam diri pelajar dan peserta selari dengan objektif bengkel yang dilaksanakan.

Penglibatan pelajar adalah daripada pelajar Diploma Rekabentuk Fesyen dan Pakaian, DFP 4A bagi kursus DVI40103 Event Management bersama pensyarah pembimbing.





BENGGKEL MENCANTING BATIK

Disediakan oleh : Earni binti Mohamed Azhari

Bengkel Mencanting Batik dilaksanakan pada 10 dan 11 Mei 2023 di Design Studio Fashion, PIS untuk memberi pendedahan kepada komuniti tentang seni kreatif batik. Seramai 8 orang peserta telah menyertai bengkel ini dengan jayanya. Penceramah yang terlibat adalah Pn. Noorhati binti Abd Kadir daripada Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual, PIS.



Para pelajar bergambar bersama hasil karya cantingan batik mereka.



Sebagai pengenalan, peserta telah didedahkan kepada jenis dan produk batik Malaysia. Kemudian, peserta diperkenalkan pula dengan alat dan bahan untuk membatik. Satu demonstrasi mencanting batik dan mewarna juga telah dijalankan sebelum peserta diajar bagaimana teknik dan proses membancuh warna dilakukan. Peserta diberi peluang untuk merekabentuk motif batik sendiri serta memilih warna yang sesuai untuk rekaan mereka. Proses dimulakan dengan melakar corak kemudian mencanting batik menggunakan lilin di atas pemidang masing-masing sebelum mula mewarna. Peserta kemudiannya membancuh warna-warna yang diinginkan dan diakhiri dengan proses mewarna.



PEWARIS SENI PRIHATIN

Disediakan oleh : Dr. Nurul Aisyah binti Othman

Sebuah program Corporate Social Responsibility bertajuk Pewaris Seni Prihatin pada 12 Mei 2023 telah berlangsung di Rumah Perlindungan Kanak-Kanak TBQ Amal, Johor Bahru.

Penganjuran program adalah pelajar-pelajar DVV4043 Event Management, Diploma Animasi Kreatif, Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual dibawah kelolaan Dr. Nurul Aisyah binti Othman selaku pensyarah pembimbing dan Cik Siti Salwa binti Kusairi selaku pensyarah pengiring.

Objektif program adalah untuk mencapai KPI4 dan KPI12 bagi Politeknik selain memenuhi kriteria penilaian kursus terlibat. Pelajar mula berkumpul seawal 7.00 pagi untuk bergerak ke rumah anak yatim. Sebelum itu, kutipan barangan amal juga telah dilancarkan dikalangan pensyarah-pensyarah PIS untuk sama-sama berkongsi rezeki bersama anak-anak di Rumah Perlindungan TBQ Amal yang menempatkan 24 orang kanak-kanak. Selain itu, antara aktiviti seni yang dianjurkan Bersama anak yatim adalah lukisan mural, lukisan doodle dan lukisan muka. Terdapat juga aktiviti riadah untuk memupuk semangat berpasukan.



Sesi bergambar Bersama pensyarah, pelajar PIS, penghuni rumah perlindungan anak yatim TBQ amal dan penjaga.



Proses melukis dan mewarna mural oleh pelajar semester 4 Diploma Animasi Kreatif



Aktiviti melukis doodle dan lukisan muka atau 'face painting' bersama pelajar dan juga anak-anak Perlindungan TBQ Amal, Johor Bahru.

BENGGKEL PEMBANGUNAN E-BOOK

2023

Disediakan oleh : Earni binti Mohamed Azhari





Objektif program dilihat telah dicapai kerana peserta telah memahami teknik dan format pembangunan modul. Selain itu, peserta telah mengetahui secara ringkas gaya dan proses penerbitan sesebuah buku. Peserta juga telah didedahkan dengan format isi kandungan dan rekabentuk modul.

" Perkongsian yang membuka perspektif para peserta untuk merancang pembangunan ebook dengan lebih baik "

Jawatankuasa E Learning Politeknik Ibrahim Sultan bersama Creative Design Center (CDeC) telah menganjurkan bengkel pembangunan modul e book 2023 pada 29 Mac 2023. Bengkel ini dilaksanakan bagi tujuan sebagai salah satu perancangan awal untuk mendedahkan para peserta kepada pembangunan ebook sebagai bahan digital dalam pelaksanaan PdP dalam norma baharu ini.

Bengkel dilaksanakan secara dalam talian menggunakan pelantar MS Team. Seramai 3 orang penceramah iaitu En. Sarawanan Letchumanan, Pn. Mazlisa binti Mohd Isa dan Cik Earni binti Mohamed Azhari telah berkerjasama dalam menjayakan bengkel ini mengikut kepakaran masing masing.



VISCOM SHOW 36 BERTEMAKAN ECLECTIC

"FUTURE DESIGNERS"

Disediakan oleh : Muhamad Fauzan Raziq bin Muhamad Rohim /
Ts. Sheril Syazwani binti Salleh

Visual Communication Show (VISCOM SHOW) kali-36 telah berlangsung pada 28 dan 29 Mei 2023 dan dianjurkan dengan jayanya oleh pelajar kursus *Event Management* semester empat Diploma Rekabentuk Grafik dari Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual (JRKV) dengan tema Eclectic. Mengapa tema Eclectic dipilih? Eclectic membawa maksud percampuran seni yang pelbagai. Tema ini dilihat bersesuaian dengan kepelbagaian bidang yang ditawarkan di JRKV, PIS.

VISCOM SHOW adalah salah satu pelantar pameran projek akhir pelajar untuk mengetengahkan produk dan projek yang telah dihasilkan kepada komuniti selain dapat membuka peluang pekerjaan kepada pelajar.

Jemputan pameran telah disebar luas kepada pelajar-pelajar sekolah berdekatan, Kolej Komuniti, Giat Mara, UiTM, UTM, ILP, Kolej Vokasional, Kolej MAIWP dan pelbagai institusi pengajian tinggi berdekatan serta jemputan- jemputan industri yang hadir dari pelbagai negeri termasuk Singapura. Ini secara tidak langsung telah menyebarkan luas kemampuan pelajar-pelajar JRKV kepada komuniti dan menarik minat komuniti untuk menyambung pengajian ke JRKV, PIS serta membuka peluang pekerjaan kepada pelajar.



Sebahagian tetamu jemputan pameran



Perasmian VISCOM SHOW 36 oleh Pengarah Kreatif, En. Mohd Fairus bin Zainal daripada DDEC

Seterusnya, majlis perasmian dan penutup VISCOM SHOW 36 telah disempurnakan oleh Pengarah Kreatif, En. Mohd Fairus bin Zainal daripada Malaysia Design Development Centre (DDEC). Beliau turut menyampaikan 40 anugerah kepada pelajar-pelajar yang cemerlang termasuk penyelia projek pada majlis penutup VISCOM SHOW 36 yang bermula pada jam 2.00 petang dengan diiringi oleh Timbalan Pengarah Akademik, Ts. Haji Hamdan bin Samdin dan Ketua Jabatan JRKV, Ts. Nor Rofizah binti Johari.

Secara tidak langsung, Creative Design Centre (CDeC), PIS merupakan rakan kerjasama dalam menjayakan program ini. Perjalanan program telah berjalan dengan lancar dengan kerjasama daripada semua pihak. Tahniah buat kesemua jawatankuasa pelajar dan pensyarah yang bertungkus lumus menjayakan program ini.



Persiapan dewan dan pentas oleh jawatankuasa pelajar dan pensyarah



VISCOM SHOW 36

PENYERTAAN DIPLOMA ANIMASI KREATIF

Disediakan oleh : Farhana binti Safar



Bersempena penganjuran 36TH Viscom Show pada 29 -30 Mei 2023 yang lalu di Dewan Tunku Laksamana Abdul Jalil, seramai 32 orang pelajar tahun akhir Program Diploma Animasi Kreatif tidak ketinggalan untuk turut serta dalam pameran tersebut. Pameran ini adalah merupakan salah platform bagi mengetengahkan projek akhir pelajar Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan.

Turut sama menyertai pameran ini adalah pelajar tahun akhir Program Diploma Rekabentuk Grafik, Diploma Rekabentuk Industri, Diploma Rekabentuk Fesyen & Pakaian, Sijil Kemahiran Rekabentuk Grafik dan juga Sijil Kemahiran Rekabentuk Fesyen & Pakaian.

Sesi penilaian projek akhir telah dijalankan pada hari pertama dimana pelajar membentangkan hasil projek akhir mereka kepada panel penilai yang terdiri daripada panel luar iaitu Pn.Intan Suhanie Binti Abdul Aziz dan juga En. Muhammad Hasyif Amirin Bin Mohd Ashari serta panel dalaman, Pn. Farhana Binti Safar dan Pn. Nurul Aini Binti Mohamad. Pada hari kedua pameran dibuka kepada pihak luar yang terdiri daripada sekolah-sekolah serta agensi yang berdekatan.

Majlis Penganugerahan Projek Akhir Terbaik telah disempurnakan oleh Encik Mohd Fairus Bin Zainal, Pengarah Kreatif Malaysia Design Development Centre (DDEC) pada sebelah petang hari kedua pameran berlangsung. Sebanyak 8 kategori anugerah telah dipertandingkan bagi Program Diploma Animasi Kreatif iaitu Anugerah Animasi 2D Terbaik dimenangi oleh Nurul Dini Binti Yahya, Anugerah Animasi 3D Terbaik, dimenangi oleh Lau Jia Qi, Anugerah Suntingan Video Terbaik, dimenangi oleh Putera Amirul Danish Bin Norhaidi, Anugerah Suntingan Audio Terbaik, dimenangi oleh Muhammad Sabiq Haziq Bin Mohamed Masturi, Anugerah Portfolio Kreatif Terbaik, dimenangi oleh Ahmad Rasyid Bin Idris, Anugerah Rekabentuk Karakter 3D Terbaik, dimenangi oleh Nur Muhammad Amirul Aiman Bin Arizan, Anugerah Animator Muda, dimenangi oleh Lau Jia Qi dan juga Anugerah VISCOM 36 Animasi telah dimenangi oleh Nor Aliff Ikhma Bin Zakaria.

Dengan adanya penganjuran seperti ini kerjasama dan koordinasi dari pihak industri dapat dipertingkatkan selaras dengan peningkatan dalam pengetahuan, kefahaman dan kemahiran kepada para pelajar khususnya dan pensyarah amnya seterusnya graduan TVET berkualiti dalam bidang kreatif yang berciri holistik, inovatif dan kritis dapat dihasilkan



VISCOM SILVER - AVANT GARDE ART OF IR4.0 SEMPENA SAMBUTAN JUBLI PERAK POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN: PENERAJU HIGH ART DALAM EKOSISTEM TVET

Disediakan oleh : Hanizam bin Hussin



Ts. Hj Muhammad Rumzi bin Mamat, Timbalan Ketua Pengarah Politeknik & Kolej Komuniti menandatangani buku sebagai tanda kenangan.

Johor Bahru: VISCOM Silver sempena Sambutan Jubli Perak Politeknik Ibrahim Sultan: Peneraju High Art Dalam Ekosistem TVET telah berjaya dianjurkan selama 2 hari bermula 3 hingga 4 Jun 2023, di TOPPEN Shopping Centre. Penglibatan program ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Diploma dan Sijil Kemahiran Khas yang melibatkan lima buah Politeknik iaitu Politeknik Ibrahim Sultan, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Politeknik Muazam Shah, Politeknik Metro Tasek Gelugor dan juga Politeknik Besut Terengganu.

Pertandingan VISCOM Silver yang julung kali dianjurkan adalah bersempena 25 tahun JRKV. Pelajar dinilai dari segi kreativiti projek akhir dan karya yang dihasilkan. Penjurian telah diketuai oleh Pengarah Majlis Rekabentuk Malaysia, En. Husaini bin Ismail. Kemuncak dan tumpuan utama program adalah acara pembukaan dan perasmian penutup oleh Perasmi, YBrs Ts. Haji Muhammad Rumzi bin Mamat, Timbalan Ketua Pengarah, Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Selain itu, aktiviti Demonstrasi Seni yang dijalankan adalah Doodles, Macrame, SFX Make up, Batik, Exploring VR, Holograms and Hangul Souvenir Workshop yang mana melibatkan komuniti luar dan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Aktiviti ini telah mendapat pengiktirafan peringkat Negeri Johor dengan melibatkan 16 buah sekolah dari 5 daerah dengan seramai 275 murid dan 41 guru.

Pembangunan holistik pelajar dapat dicapai dengan penganjuran aktiviti Bicara Bersama Industri dengan penglibatan Syarikat Creatvtoon Animation, IKEA, Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), MIMOS dan Kedai AUR. Seramai 250 orang pelajar Politeknik Malaysia dan Universitas Pendidikan Indonesia telah terlibat dalam program tersebut yang dijalankan secara bersemuka dan secara maya



Penyampaian sijil penghargaan & cenderahati oleh Ts. Hj Hamdan bin Samdin, kepada En. Husaini bin Ismail, Pengarah Majlis Rekabentuk Malaysia.

MAJLIS GEMILANG 25 TAHUN POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN 2023



Disediakan oleh : Siti Salwa binti Kusairi

Majlis Gemilang 25 tahun Politeknik Ibrahim Sultan 2023 diadakan pada 18 Mei 2023 hari Khamis bersamaan 27 Syawal 1444. Majlis bersempena hari raya Aidilfitri bertema gemilang 25 tahun PIS #rayabagijadi dengan para hadirin mengenakan pakaian busana bangsawan dianjurkan oleh pelajar semester 4B Dipoma Rekabentuk Grafik, Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual.

Program seperti ini dapat memberi peluang kepada semua pelajar dan warga Politeknik Ibrahim Sultan berkongsi kegembiraan dalam menyambut hari raya Aidilfitri disamping menghayati bulan-bulan kebesaran Islam.

Pelajar dikehendaki merancang konsep acara majlis, aktiviti yang dianjurkan dan penjurian, membuat perancangan logistik dan penyelarasan aspek teknikal sebelum acara, semasa acara dan selepas majlis dijalankan. Pelajar juga mengaplikasi cara dan proses pengurusan majlis.

Aktiviti-aktiviti seperti pertandingan anyam ketupat, Busana Melayu, reruai foto dan video kreatif raya mendapat sambutan meriah dikalangan warga Politeknik Ibrahim Sultan. Program dibawah satu bumbung ini "yang jauh didekatkan,ukhuwahdipererat".

Impak program adalah berdasarkan program pembangunan pelajar berciri holistik. Pelaksanaan program di peringkat institusi, jabatan, negeri, zon, kebangsaan dan antarabangsa. Program pembangunan pelajar merujuk kepada kluster Patriotisme, Perpaduan, Kepimpinan, Komunikasi (Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris), Kebudayaan, kesenian dan warisan, Kerohanian, Psikologi, Sukan dan rekreasi, Kesihatan, Kemahiran dan Inovasi, Kelab dan persatuan.

Gemilang 25 Tahun Politeknik Ibrahim Sultan 2023 telah berlangsung dengan meriah dengan pelbagai aktiviti. Program telah mendapat sambutan dari pihak pengurusan, akademik, sokongan akademik dan pelajar-pelajar Politeknik Ibrahim Sultan. Program di bawah satu bumbung ini diharapkan dapat mengeratkan ukhuwah sesama warga Politeknik Ibrahim Sultan.



Pertandingan menganyam ketupat antara pensyarah dari setiap jabatan.



Bergambar bersama ahli keluarga PIS bersama para pelajar yang hadir.





JPH DEAF JUNIOR SKILLS COMPETITION 2023

CUNGKIL BAKAT & KEMAHIRAN PELAJAR-PELAJAR KURANG UPAYA PENDENGARAN

Disediakan oleh : Siti Suhaila binti Samian

Menyahuti misi Politeknik Ibrahim Sultan antaranya melahirkan graduan holistik melalui akses yang meluas kepada program TVET yang berkualiti, pelajar-pelajar orang kurang upaya (OKU) pendengaran tidak dikesampingkan dalam mendapat kemahiran yang bersesuaian. Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti merupakan antara jabatan yang menyediakan akses tersebut sejak dua dekad lalu tanpa gagal.

Bertempat di Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, julung kalinya satu pertandingan kemahiran iaitu JPH Deaf Junior Skills Competition melibatkan enam orang peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar semester dua sesi II 2022/2023 telah berjaya dilaksanakan pada 6-8 Jun 2023 yang lalu.

Pertandingan kemahiran ini melibatkan 'Bed Decoration', 'Western Cooking', dan 'Table Setting'. Ketiga-tiga kemahiran ini telah dipelajari pelajar sepanjang dua semester pengajian dan diterjemahkan di dalam bentuk pertandingan kemahiran.



Para pelajar yang bertanding dalam kategori Western Cooking & Bed Decoration .



Objektif pertandingan adalah untuk mencungkil bakat para pelajar dalam bidang kemahiran selain meningkatkan keyakinan diri. Pertandingan ini juga bermatlamat ingin meningkatkan motivasi pelajar-pelajar untuk menguasai bidang kemahiran demi kelangsungan hidup selepas menamatkan pengajian.

Pertandingan diadili oleh pensyarah-pensyarah yang mempunyai pengalaman luas di dalam bidang-bidang berkaitan. Antara juri terlibat ialah Puan Nor Marlina binti Othman, En. Mohd Faiz bin Mohd Noor, Puan Zuhaila binti Yusof, Puan Norliza binti Ngahdirin dan Puan Nor Asmahani binti Kutip.

Dalam masa yang sama, pertandingan yang dianjurkan merupakan kelolaan pelajar-pelajar semester tiga yang mengikuti kursus SHK3023 - Pengurusan Majlis.

"Para pelajar berpeluang mengaplikasikan segala pengetahuan, teori dan kaedah pelaksanaan program dari awal sehingga akhir menerusi penilaian amali kursus."

Melalui pendedahan dan pengalaman ini memberi peluang kepada pelajar untuk menyerlahkan bakat dalam aspek kepimpinan, serta meningkatkan semangat kerjasama di dalam kumpulan.

Di akhir program, objektif penganjuran tercapai dan bakat para pelajar dapat dikenal pasti serta boleh diketengahkan untuk tujuan penyertaan pertandingan pada masa hadapan. Majlis penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ketua Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Cik Hj. Humairah binti Hamzah pada 8 Jun 2023 di Restoran Baiduri, Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti.

SAUH 4 PELUKIS 4 NEGARA

Disediakan oleh : Musfirah binti Jamaluddin

11 Jun 2023 Ahad
Galeri Tenun Johor, Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar, Johor Bahru

Pameran lukisan SAUH anjuran Yayasan Warisan Johor (YWJ) telah berjaya mempamerkan 35 keindahan hasil seni yang menggabungkan 4 Pelukis dari 4 Negara yang berbeza dengan pendekatan seni yang luar biasa. Keindahan pameran SAUH ini terserlah apabila seni yang dipamerkan mempunyai unsur keindahan alam yang menyentuh kesempurnaan dan keindahan pencipta yang Maha Esa.

4 Pelukis dari 4 Negara iaitu:

Pelukis dari Malaysia, Norazlan Ahmad (47),
Pelukis dari Indonesia, Khalil Zuhdy Lawnarain (50),
Pelukis dari Brunei, Pengiran Abd. Wahal Hassan Al Abbas (65) dan
Pelukis dari Singapura, Abu Jalal Sarimon (59)

Berdasarkan karya pendekatan pelukis negara iaitu Norazlan Ahmad, 47 telah mempamerkan hasil lukisan yang mengangkat martabat warisan budaya negara terutamanya negeri Johor dalam penghasilan karyanya yang berunsurkan seni abstrak.

Tambahan keindahan seni telah dihuraikan oleh Khalil Zuhdy Lawnarain, 50, pelukis dari Indonesia berkata SAUH menjadi platform untuk mempamerkan teknik dan sentuhan budaya antara pelukis yang berbeza dari pelbagai aspek. Hasil lukisan beliau yang berkisah kehidupan manusia yang berpegang kepada kepercayaan agama serta banyak menonjolkan unsur-unsur tradisi seperti beliau penggunaan teknik lukisan seakan seperti langkah pencak silat.

Melalui tafsiran pelukis dari Brunei, Pengiran Abd. Wahal Hassan Al Abbas, 65, yang telah menyifatkan penggabungan karya itu dapat kita mendalami ilmu dari segi sejarah, budaya dan nilai setiap negara terutama sekali generasi muda yang jauh ketinggalan dengan sejarah negara.

Bedasarkan karya dari Abu Jalal Sarimon, 59 dari Singapura yang banyak menonjolkan hasil seni beliau melalui teknik gurisan dan hiris untuk mempamerkan seni kontemporari dari pandangan yang berbeza serta lukisan beliau banyak menggabungkan pahaman dari pelbagai aspek dalam kehidupan manusia.

Dengan adanya pameran seumpama ini harus diteruskan supaya dapat meneruskan serta memartabatkan seni lukisan khususnya di peringkat nusantara.

Pemartaban seni lukisan



Antara hasil karya daripada Norazlan Ahmad, Abu Jalal Sarimon dan Khalil Zuhdy Lawnarain.



Sesi temubual
Norazlan Ahmad



Pelukis dari Brunei,
Pengiran Abd. Wahal
Hassan Al Abbas



MAJLIS SANJUNG BUDI

Disediakan oleh : Siti Adila binti Mohamad Yazi

Menjadi adat dalam suatu pertemuan, pasti akan ada perpisahan. Satu majlis sanjungan budi buat Ts. Dr. Noor Hidayu binti Shahadan telah diadakan pada 14 Jun 2023. Ts. Dr. Noor Hidayu lebih mesra dengan panggilan Dr. Ayu telah memegang portfolio Pegawai Penyelidikan di CDeC dari Jun 2020 hingga Jun 2023 dengan jayanya.

Dr. Ayu telah dilantik sebagai Ketua Jabatan bagi Jabatan Kejuruteraan Elektrik berkuatkuasa 1 Jun 2023. Memandangkan komitmen yang baharu ini memerlukan perhatian yang berterusan dan jitu, maka keputusan untuk meninggalkan CDeC terpaksa dibuat.

Turut diraikan dalam majlis sama adalah dua pelajar latihan industri yang tamat latihan iaitu Syed Mohamad Haziq dan Nur Aiman Hafizi.

Warga CDeC mengucapkan terima kasih atas komitmen yang telah dicurahkan sepanjang menjawat jawatan Pegawai Penyelidikan di CDeC dan selamat maju jaya kepada Ts. Dr. Noor Hidayu dalam menggalas tanggungjawab baharu ini.

***"Setiap pertemuan,
pasti ada perpisahan"***



Penyerahan cenderahati kepada Ts. Dr. Noor Hidayu daripada Pengurus CDeC



Ucapan penghargaan daripada pelajar-pelajar Latihan Industri



Penyerahan cenderahati kepada pelajar Latihan Industri daripada Pn. Mazlisa binti Mohd Isa



Jamuan makan penghargaan untuk meraikan jasa-jasa dan komitmen kepada mereka yang diraikan

LAWATAN KERJA

YB MENTERI PENDIDIKAN TINGGI KE PIS

Disediakan oleh : Siti Salwa binti Kusairi

Pasir Gudang, 22 Jun 2023 - YB Datuk Seri Haji Mohamed Khaled Bin Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi telah mengadakan lawatan kerja ke Politeknik Ibrahim Sultan hari ini diiringi oleh YBrs. Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan YB Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permas merangkap Pengerusi Yayasan Pasir Gudang.

Lawatan ini merupakan siri lawatan kerja pertama YB Menteri ke politeknik setelah sekembalinya sebagai Menteri Pendidikan Tinggi. Tahniat atas pencapaian dan kemajuan yang dicapai Politeknik Ibrahim Sultan sejak penubuhannya 25 tahun yang lalu.

YB Menteri dalam rangka lawatan sulung beliau ke politeknik ini telah mendengar sesi taklimat tentang hala tuju dan kemajuan PIS yang disampaikan oleh Ts. HJ. Hamdan bin Samdin, Timbalan Pengarah Akademik yang menjalankan tugas Pengarah Politeknik Ibrahim Sultan.

YB Menteri seterusnya turut menyampaikan amanat dan maklumbalas berhubung pembentangan yang dibuat oleh Politeknik Ibrahim Sultan sebelum beliau dibawa melihat pameran projek inovasi dan projek akhir pelajar yang disediakan.

Sebagai sebuah politeknik yang mempunyai bidang tujuhan dalam seni reka kreatif dan industri, Politeknik Ibrahim Sultan sewajarnya memperhebat hubungan dengan pihak industri.

Penawaran program dan pendekatan yang selari dengan keperluan industri perlu diteroka dengan lebih proaktif agar dapat mempertingkatkan pasaran dan kualiti para lepasan Politeknik Ibrahim Sultan.

Pelaksanaan program kemasyarakatan juga perlu terus dipergiatkan dalam memastikan keterlihatan politeknik dari kaca mata masyarakat. Apabila masyarakat menyedari akan fungsi dan peranan politeknik, secara tidak langsung ia dapat mengukuh keyakinan dan minat masyarakat terhadap politeknik sebagai destinasi pilihan pendidikan tinggi mereka.

Adalah diharapkan agar usaha mentransformasikan politeknik dapat dijayakan. YB Menteri menyambut baik segala cadangan dan idea yang telah diutarakan. Semoga politeknik menjadi medan pendidikan tinggi yang komprehensif dalam melahirkan aset bermakna untuk negara.

Kemudian YB Menteri dibawa melawat kediaman pelajar termasuk kafe asrama dan bilik rawatan bagi melihat fasiliti yang disediakan untuk memastikan sentiasa berada dalam keadaan yang memuaskan sebelum beliau mengakhiri lawatan kerja dengan meninjau kemudahan Pengajaran dan Pembelajaran di Restoran Baiduri, Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti.


Hadir sama ialah YBrs. Ts. Zainab binti Othman, Pengarah Kanan (Kompetensi), delegasi KPT, Pegawai-pegawai JPPKK, serta Pengarah-pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Johor.



Suasana sekitar pembukaan Lawatan Kerja yang berlangsung di Creative Design Centre (CDeC), Politeknik Ibrahim Sultan

JALINAN KOLABORASI CDEC DAN LAS COFFEE

Disediakan oleh : Abdul Razak bin Salim dan Nur Aiman Hafizi bin Hasni



Sebahagian hasil karya daripada Nur Aiman Hafizi bin Hasni atas jalinan kolaborasi yang telah dipersetujui



LAS Coffee Sdn Bhd bersetuju menjalinkan usahasama (kolaborasi) bersama Creative Design Centre (CDeC) dalam menawarkan pelajar yang mempunyai kepakaran dalam bidang rekaan grafik termasuklah sebarang kerja atau tugas promosi kreatif dan pengiklanan.

Pelajar bernama, Nur Aiman Hafizi Bin Hasni dapat menjalankan kerja atau tugas yang diberikan oleh Pengurusan LAS Coffee pada 31 Mac hingga 16 Jun 2023. LAS Coffee berkolaborasi bersama CDeC untuk menghasilkan rekabentuk promosi majlis, pengiklanan produk, dan korporat identiti syarikat. Setiap tugas yang diberikan perlu dilaporkan semula kepada *Person-in-Charge* atau penyelia yang berkenaan.

Tujuan rekabentuk baharu dibuat adalah untuk memperkenalkan minuman atau minuman baru LAS Coffee kepada pelanggan untuk menikmati minuman dari LAS Coffee. Selain itu, tujuan ini juga menunjukkan kebaikan LAS Coffee dan event yang akan mempromosikan minuman LAS Coffee kepada pelanggan. Produk ini menggunakan minuman LAS Coffee iaitu Frappe, Latte, Smoothies dan Mocktail. Setiap 4 minuman ini ada pelbagai jenis minuman yang ada di LAS Coffee.

AUDIT VERIFIKASI PENCAPAIAN COT POLITEKNIK MALAYSIA ZON SELATAN @ CDeC

Disediakan oleh : Siti Adila Mohamad Yazid



Terdapat tujuh teras yang menjadi kayu ukur (indicator) kekuatan sesebuah COT politeknik iaitu pencapaian dalam bidang perkhidmatan kepakaran (konsultansi berkaitan bidang tujuhan), kolaborasi, penyelidikan dan inovasi, pengajaran dan pembelajaran, penerbitan, pengiktirafan, dan janaan pendapatan.



Centre of Technology (COT) di Politeknik Malaysia telah ditubuhkan sebagai usaha untuk memenuhi hasrat transformasi politeknik dalam bidang TVET yang mana antaranya adalah, melonjak politeknik sebagai institusi peneraju dalam bidang TVET, mengukuhkan relevansi dan koresponsifan program pengajian di politeknik agar ianya selari dengan kehendak pembangunan ekonomi negara, menerajui bidang tuhan dan teknologi bagi menghasilkan graduan berkualiti yang berdaya usahawan, berkebolehpasaran tinggi dan berdaya saing, membina reputasi dan jenama yang mampu meletakkan politeknik antara institusi pengajian negara yang terbaik, serta mempelbagai dan meluaskan penawaran program yang mampu menarik minat pelajar.

Justeru, adalah perlu bagi indicators yang menjadi teras kepada pencapaian sesuatu COT ini dinilai. Terdapat dua jenis penilaian bagi pencapaian COT iaitu penilaian sendiri di mana dilaksanakan pada peringkat dalaman dan seterusnya penilaian pusat oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dalam pembangunan tujuh teras berkenaan.



Bagi Audit Verifikasi Pencapaian COT Politeknik Malaysia Zon Selatan bagi pencapaian tahun 2022 telah pun mengambil tempat di CDeC. Sesi audit ini juga melibatkan COT daripada Politeknik Port Dickson iaitu CaRT dan Politeknik Merlimau Melaka, CeTRaH. Sesi audit melibatkan tiga orang panel penilai daripada JPPKK. Menerusi sesi audit ini, COT berpeluang mendapat maklumbalas secara langsung tentang laporan pencapaian yang disediakan dan juga mengambil maklumbalas bagi tujuan penambahbaikan bagi tahun akan datang. Secara keseluruhan, sesi ini telah dapat dilaksanakan secara lancar.



Suasana sekitar pembukaan Lawatan Kerja yang berlangsung di Creative Design Centre (CDeC), Politeknik Ibrahim Sultan

Secara umumnya, COT Politeknik adalah sebuah pusat yang merangkumkan pengetahuan, kepakaran, dan kemahiran yang dimiliki oleh warga politeknik dalam bidang tujuhan tertentu.

INOVATION iPLANT INTERACTIVE PLANTATION


Disediakan oleh : Muneswary A/P Saminathan

iPLANT is a new interactive Teaching Aid (ABM) for primary school students, especially Level One (Years 1, 2 and 3). This Interactive Plantation (iPlant) covers the topic of plants from the Primary School Science textbook of the Malaysian Ministry of Education (KPM).

Students can apply the knowledge they have learned in practical activities in the science lab quickly and interactively with the aid of the iPlant. This innovation can lead to a better organised Teaching and Learning (TnL) process as well as level one students' enthusiasm in the field of science.

Additionally, by using a method in the form of a "game," this innovation presentation can give the students a more participatory experience which keeps up with the pace of modern technological advancement. In addition, this iPlant has also overcome the problem of the theoretical weakness of the topic of plants by providing drills in the form of games and can have an impact on level 1 students as demonstrated by a preliminary questionnaire survey.

User interface design for iPLANT mobile application used by students standard one to three as a new interactive teaching aid (ABM)




SMART JACKET FOR DEAF AND MUTE

Disediakan oleh : Nurrul Asmar binti Azhan



Smart Jacket for Deaf and Mute telah memenangi tempat ke-lima bagi kategori Produk Terbaik Malaysia dan Pingat Emas dalam pertandingan 3rd International Creative and Innovation Product Innovation (ICrIPE 2023).



Perkembangan teknologi 4IR memberikan faedah kepada golongan orang kurang upaya. Teknologi wearables antaranya menyediakan kemudahan bagi golongan ini untuk menghadapi sebarang situasi yang di luar jangkaan. Penghasilan jaket pelbagai fungsi memberikan faedah langsung kepada pengguna bukan sahaja untuk melindungi tubuh malah dapat digunakan untuk tujuan keselamatan diri.


Potensi Penyelesaian

Penggabungan elemen reka bentuk dan sistem elektrik melalui penggunaan dalam kalangan OKU masalah pendengaran ini dijadikan satu batu loncatan ke arah mengurangkan masalah jenayah yang berlaku ketika ini. Justeru, ia bukan sahaja mampu membantu sewaktu kecemasan, malah mempunyai fungsi yang pelbagai.

Pertimbangan Kelebihan dan Kekurangan

Kebanyakan isu perbincangan adalah berkaitan dengan kelebihan dan kekurangan lokasi peletakan sistem dengan kedudukan jaket sedia ada untuk dijadikan beg. Kesesuaian dan kemudahcapaian juga diambil kira. Di samping itu, pemilihan LED, speaker, notifikasi GPS juga dibincangkan dengan teliti.

Penghasilan jaket multifungsi dengan menggabungkan prinsip rekabentuk fesyen dengan kawalan sistem telekomunikasi dapat membantu melindungi golongan OKU dari segala bentuk eksploitasi, keganasan dan penderaan. Rekaan jaket yang merangkumi aspek estetik, material dan teknik serta boleh diubah fungsi sebagai beg galas untuk kegunaan golongan OKU.



Creative Design Centre (CDeC) juga untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang Reka Bentuk Kreatif yang memenuhi taraf antarabangsa. Berdasarkan hala tuju itu, CDeC Shoppe menjadi satu platform untuk menghubungkan R&D dan mengusahakan pengkomersialan produk dan inovasi hasil penyelidikan dalam bidang Reka Bentuk Kreatif yang dihasilkan oleh pelajar dan pensyarah di peringkat Politeknik Ibrahim Sultan.

CDeC Shoppe adalah sebuah kiosk yang terletak di dalam Galeri CDeC yang dibawah Creative Design Centre (CDeC).

CDeC Shoppe diselenggarakan oleh Puan Azlina binti Ahmad selaku Penyelaras CDeC Shoppe. Selain itu beliau juga merupakan Pensyarah Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual dan Penyelaras Inkubator Polyboutique Politeknik Ibrahim Sultan dibawah unit Keusahawanan Politeknik Ibrahim Sultan.

CDeC Shoppe melakukan pelbagai usaha dan perancangan aktiviti keusahawanan bagi membolehkan pelajar mempelajari ilmu dalam bidang keusahawanan bagi merealisasikan dasar Pembangunan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik di peringkat politeknik.

Selain itu, CDeC Shoppe juga menyediakan platform untuk mempromosikan produk barangan CDeC Shoppe di platform media digital. Platform Media Digital CDeC Shoppe ini merupakan projek pelajar (BVC 5) bagi kursus MPU33012 Keusahawanan Malaysia. Platform ini dikelola sepenuhnya dibawah Syarikat PISNUS juga merupakan pelajar Jurusan Ijazah Sarjana Muda Rekabentuk Komunikasi Visual dan Media Baharu dengan Kepujian semester 5.




Imbas Kod QR untuk ke pelantar CDeC Shoppe





PRE ORDER OR MAKE YOUR OWN DESIGN TODAY!



Direka bentuk Oleh:



Creative Design Centre (CDeC), Politeknik Ibrahim Sultan
KM10, Jalan Kong Kong, 81700 Pasir Gudang,
Johor Darul Ta'zim

Tel : 07 261 2488
Faks : 07 261 2402
Laman Web: www.pis.edu.my